

Pertemuan Datuk Bandar dengan pemaju utama KL

PERKASA SISTEM KELULUSAN

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mencari penyelesaian terbaik dalam mempercepatkan proses pembangunan bandar raya menerusi pertemuan bersama pemaju utama Kuala Lumpur.

Menurut DBKL, pertemuan bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif bersama 25 pemaju utama di Kuala Lumpur itu turut membincangkan cabaran termasuk pemerkasaan sistem kelulusan pembangunan, pemantapan prosedur kerja serta pemantauan projek secara lebih cekap dan telus.

"DBKL turut memperkenalkan Sistem OSC 3.0 Plus Online, yang telah mula beroperasi sejak Ogos 2024, bagi memudahkan pemaju menyemak status permohonan mereka secara atas talian dengan lebih pantas dan efisien," katanya.

Menurutnya antara perkara yang dibincangkan adalah termasuk isu dan cabaran dalam pematuhan zon guna tanah dan intensiti pembangunan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)



MAIMUNAH (lapan dari kanan) bersama pengurusan tertinggi DBKL dan pemaju ketika pertemuan membincangkan pembangunan Kuala Lumpur.

dan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (DPTKL 2040) serta garis panduan pembangunan sedia ada.

"Selain itu, pertemuan tersebut

turut menyelesaikan pematuhan terhadap ulasan daripada Mesyuarat OSC mengikut tempoh masa yang ditetapkan dengan melantik PSP/SP yang cekap

(kompeten) dan terbaik.

"Ia juga termasuklah menambah baik senarai semak Permit Pembinaan di Pusat Setempat (OSC) DBKL bagi mendapatkan

Perakuan dan Persetujuan Agensi Teknikal Sahabat (ATS) sebelum pengemukaan secara rasmi ke kaunter OSC dan keperluan mempercepatkan proses kelulusan projek tanpa menjejaskan prosedur perundangan dan pentadbiran DBKL," katanya.

DBKL juga percaya bahawa kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta adalah kunci dalam membentuk pembangunan Kuala Lumpur yang lebih produktif, progresif, pantas dan pematuhan kepada perundangan yang ditetapkan.

"Dengan pendekatan 4P – *Public, Private, People, Partnership*, DBKL berusaha memastikan pembangunan yang lebih inklusif, berdaya tahan dan selari dengan perancangan bandar jangka panjang.

"Komitmen ini bukan sahaja untuk kepentingan pemaju, tetapi juga demi kesejahteraan warga kota, memastikan Kuala Lumpur terus berkembang sebagai bandar raya bertaraf dunia yang mampan dan sejahtera," katanya. 